

Persada

Peneraju Masa Depan Gemilang



Bil. 44 Jan - Jun 2013 | ISSN : 1675 - 2651



*Kejohanan Sukan
Persahabatan*

STAF IPT BORNEO

UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK



13,000 pelajar UNIMAS
terima BBM

UNIMAS sertai Karnival
Jom Masuk U

UNIMAS menang
2 kategori di UKM

Wacana Ketua Editor

Home About Product Find Us Contacts

UNIMAS terus gemilang dengan kejayaan demi kejayaan yang diperolehi dari peringkat negeri hingga ke antarabangsa pada tahun ini. Kejayaan UNIMAS memenangi dua kategori dalam Naces di Bangi dan kemenangan staf UNIMAS dalam Anugerah Tinta Kenyalang membuktikan kesungguhan UNIMAS untuk bersaing sebagai sebuah universiti tempatan terkemuka di tanah air.

Tahun 2013 turut menyaksikan UNIMAS terus menyemarakkan silaturahmi dengan menjalin kerjasama dengan pelbagai pihak sama ada menerusi program pertukaran pelajar, perjanjian persefahaman mahupun aktiviti keagamaan seperti menyertai perarakan Maulidur Rasul.

Indah tidak berkata apabila UNIMAS telah membuktikan keupayaannya sebagai tuan rumah bagi acara sukan seperti Kejohanan Sukan IPT Borneo dan UNIMAS Triathlon. Bukan gelaran juara dalam acara sukan yang dipentingkan namun apa yang penting, kejohanan seperti itu telah melahirkan bibit-bibit hubungan dan kerjasama di antara atlet terlibat. Kejayaan penganjuran Kejohanan Sukan IPT Borneo sekaligus menyatukan 1,400 atlet terdiri daripada staf-staf Institut Pengajian Tinggi di rantau Borneo dalam Sukan IPT Borneo yang berlangsung pada bulan Februari lepas. Tahniah buat UNIMAS dan IPT yang menyertainya.

Jatahan terima kasih turut dihulurkan kepada semua pihak yang terlibat dalam menyediakan majalah PERSADA serta para penyumbang rencana dan berita di dalam PERSADA selama ini. Semoga kerjasama sebegini dapat diberikan oleh lebih ramai pihak dalam usaha UNIMAS mempromosi universiti ini di peringkat yang lebih luas.

Terima kasih.

Informasi Terkini

Bulan April 2013 menyaksikan detik bersejarah di UNIMAS kerana perubahan tampuk kepimpinan di UNIMAS di mana Prof Dr Morshidi Sirat, mantan Timbalan Ketua Pengarah KPT telah dilantik

menjadi Naib Canselor menggantikan Prof Datuk Dr Khairuddin Ab Hamid. Walau bagaimanapun, Prof Dr Morshidi Sirat hanya menjawat jawatan tersebut selama dua minggu kerana beliau dilantik menjadi Ketua Pengarah KPT. Oleh itu Prof Dato' Dr Mohamad Kadim bin Suaidi telah dilantik menggantikan beliau pada 16 April 2013. Seluruh warga UNIMAS dan Persada mengalu-alukan kehadiran Prof Dato' Dr Mohamad Kadim bin Suaidi ke UNIMAS.

Badge

Badge

Badge

Badge

Editorial

Penasihat

Prof Dato' Dr Mohamad Kadim bin Suaidi
Prof Dr Fatimah binti Abang
Prof Dr Peter Songan
Prof Mohd Fadzil Abdul Rahman
Tn Hj. Abu Bakar Ibrahim

Ketua Editor
Dr Ahi Sarok

Sidang Editorial
Sarena Haidir
Norinda K. Su'ut
Erwandi Bujang Senawi

Pereka
Dayanie Hashim
Haider Ahmad

Jurufoto
Hj Bujang Mohamad
Azlady Mohammid Ali Tuah

Edaran
Roderick Rojis

Penerbit
Bahagian Penerbitan
Aras 5, Bangunan CAUH
Universiti Malaysia Sarawak

UNIMAS menang dua kategori di UKM

UNIMAS menang dalam dua kategori yang dipertandingkan bersempena dengan Simposium Kejuruteraan Kimia Kebangsaan (Naces) anjuran Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) di Bangi, baru-baru ini.

Kejayaan itu diperoleh daripada pasukan UNIMAS yang diwakili oleh pelajar dari Jabatan Kejuruteraan Kimia dan Tenaga Lestari, Fakulti Kejuruteraan serta diketuai oleh Pensyarah UNIMAS, Dr Shanti Faridah Salleh dan Ibrahim Yakub.

Tiga belas pelajar yang mewakili UNIMAS dalam simposium itu terdiri dari pelajar tahun akhir, pelajar semester tiga dan semester dua yang masing-masing menyertai pertandingan bagi kategori individu dan kumpulan.

Kategori berkumpulan diwakili oleh Low Ken Giap, Kam Yat Seng, Tan Sung Pink dan Ling How Kui dinobatkan sebagai johan bagi kategori Reka Bentuk Loji Teknikal.

Idea yang dicetuskan oleh mereka iaitu mencipta loji tenaga menggunakan etanol daripada batang pokok pisang berjaya menambat hati para juri.

UNIMAS turut menang dalam kategori Kajian Kes Teknikal yang disertai oleh Khadijah Hajon dari kumpulan 8, Tiara Afira Julaihi dari kumpulan 4 dan Josephine Lai Chang Hu dari kumpulan 1.

Seramai 300 peserta dari 17 institusi pengajian tinggi dari Malaysia, Indonesia, Thailand dan Singapura telah menyertai simposium berkenaan.



UNIMAS SERTAI KARNIVAL JOM MASUK U



Karnival PENGAJIAN TINGGI NEGARA 2013

UNIMAS telah menyertai Karnival Pengajian Tinggi Negara 'Jom Masuk U' 2013 edisi ke sembilan yang diadakan selama dua hari bertempat di Tebingan Sungai Kuching.

Bandaraya ini merupakan zon kelima daripada 11 zon sejak karnival berkenaan dimulakan pada tahun 2006 dan kali ini membabitkan penyertaan sebanyak 124 institusi pengajian tinggi termasuk awam, swasta dan agensi KPT.

Karnival itu juga merupakan Program Outreach tahunan KPT dengan kerjasama Kementerian Pelajaran Malaysia yang bertujuan mempromosi dan meluaskan penyebaran maklumat mengenai peluang pendidikan di peringkat tinggi kepada masyarakat khususnya golongan pelajar.

Antaranya ialah pameran 1Dream2U, informasi kemasukan, kuiz Jom Masuk U, cabutan bertuah, seminar sehari bersama KPT serta beberapa pertandingan bersempena dengan karnival berkenaan.

Program Pertukaran Pelajar Antara UNIMAS dan Universiti Warwick

UNIMAS telah menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) dengan sebuah universiti terkemuka di London iaitu Universiti Warwick.

MoU berkenaan bakal menyaksikan program pertukaran pelajar antara dua universiti ini melibatkan pelajar dari Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan dengan pelajar dari Sekolah Perubatan Warwick.

MoU berkenaan telah ditandatangani oleh Mantan Naib Canselor UNIMAS, Prof Datuk Dr Khairuddin Abdul Hamid dan Dekan Fakulti Perubatan Universiti Warwick, Prof Dr Peter Abraham.

Turut menyaksikan majlis MoU berkenaan ialah Mantan Timbalan Menteri Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan, Datuk Joseph Salang Gandum dan Pengerusi Lembaga Pengarah UNIMAS, Datu Dr Hafza Solhi.

Pelajar terpilih dari UNIMAS dan Warwick akan menyertai program pertukaran pelajar selama empat hingga enam minggu.

Sebagai permulaan, program tersebut akan melibatkan pelajar perubatan dari kedua-dua universiti ini dan akan dilanjutkan kepada program atau kursus lain pada masa akan datang.

Prof Datuk Dr Khairuddin turut berkata, selain pelajar, UNIMAS turut menghantar seramai 20 orang staf UNIMAS ke luar negara sebagai langkah meningkatkan kemahiran dalam pelaksanaan pengurusan akademik. Beliau berkata, kumpulan dibahagi kepada dua di mana kumpulan pertama seramai 10 orang telah dihantar ke Turki pada awal tahun ini manakala kumpulan kedua, akan ke Jepun, tidak lama lagi.

Ustaz Don di UNIMAS

UNIMAS dibanjiri oleh staf, pelajar UNIMAS serta masyarakat setempat semata-mata untuk melihat sendiri dengan dekat Ustaz Don pada bulan Disember lepas.

Ustaz Don, seorang pendakwah bebas terkenal tanah air telah dijemput menjayakan Program Bersama Ustaz Don dengan tema bertajuk 'Inspirasi Remaja Islam' anjuran Persatuan Pelajar Fakulti Kejuruteraan UNIMAS.

Menurut Pengarah Program berkenaan, Norima Amat Sailan, program berkenaan adalah julung kali diadakan di UNIMAS dengan tujuan melahirkan mahasiswa seimbang rohani dan intelek.

Turut tidak melepaskan peluang tersebut ialah Dekan fakulti tersebut, Prof. Dr. Wan Hashim Wan Ibrahim dan Dekan Pusat Pemajuan Pelajar UNIMAS, Prof. Madya Dr Rusli Ahmad.

Ustaz Don atau nama penuh Ustaz Don Daniyal Don Biyajid merupakan pensyarah di Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS) dan pendakwah bebas serta merupakan lulusan Universiti Al Azhar, Kaherah, Mesir.

Ustaz Don kini popular dengan program interaktif agama Islam bertajuk '30 Minit Ustaz Don' dan pernah mengendalikan 'Program Ihya Ramadan'.



Kaji Baka Kayu Berkualiti: UNIMAS Jalin Kerjasama Dengan STA

UNIMAS mengorak langkah lebih jauh dengan menerokai bidang penyelidikan per kayu apabila menandatangani perjanjian persefahaman dengan Persatuan Per kayu Sarawak (STA) bagi menghasilkan baka kayu yang lebih tinggi.

Mantan Naib Canselor, Prof Datuk Dr Khairuddin Ab Hamid memberitahu UNIMAS berbesar hati kerana dapat bekerjasama dengan STA dalam bidang berkenaan.

Bellau memberitahu kerjasama itu merupakan satu sumbangan besar misi penyelidikan di universiti dalam membuat kajian pengeluaran berkualiti bagi industri per kayu di negeri ini.

"Perjanjian ini selari dengan visi UNIMAS untuk menjadi universiti penyelidikan menjelang tahun 2015 kelak," katanya lagi.

Sementara itu, perjanjian penyelidikan tersebut dipanggil 'Single Nucleotide Polymorphism (SNP) Discovery through Transcriptome Mapping of Kelampayan' dan ia memberi penekanan khusus untuk penyelidikan kayu kelampayan serta kegunaannya.

Kelampayan atau nama saintifik *Neolamarckia cadamba* merupakan satu spesies kayu tanaman yang cepat membesar untuk pembangunan hutan di negeri ini dan ia merupakan sumber bahan mentah untuk industri papan lapis, kertas dan pulpa.



700 SERTAI UNSC

Seramai lebih 700 delegasi dari Malaysia dan Singapura telah menyertai Persidangan Pelajar Kejururawatan (UNSC) Kali Ke-4 yang diadakan di DeTAR Putra, baru-baru ini.

Persidangan yang rata-ratanya dihadiri oleh pelajar, tutor, pensyarah dan staf perubatan itu bertujuan untuk mempromosikan penyokongan dalam mempraktikkan kejururawatan secara profesional untuk kebaikan para pesakit.

Menurut Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi), Prof Dr Peter Songan, persidangan itu juga sebagai memperkukuhkan kepimpinan dalam kalangan pelajar sekaligus meningkatkan kualiti penjagaan pesakit yang lebih baik.

"Persidangan ini merupakan acara tahunan UNIMAS yang dianjurkan oleh pelajar kejururawatan tahun akhir UNIMAS," katanya.

Majlis pelancaran persidangan tersebut telah dilakukan oleh Menteri Muda Kesihatan Awam Sarawak, YB Dr. Jerip Susil.

Dalam ucapan beliau, YB Dr Jerip memberitahu terdapat ramai lepasan ijazah kejururawatan cenderung untuk bekerja di luar negara berbanding negara sendiri.

Katanya, pendapatan yang tinggi diluar negara dan penggunaan bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar semasa pembelajaran antara faktor

penyebab kecenderungan itu berlaku dalam kalangan graduan lepasan ijazah.

Beliau turut menasihati masyarakat supaya mempunyai kesedaran gaya hidup sihat untuk menghindar diri dari penyakit berbahaya seperti darah tinggi, kencing manis, kolestrol dan sebagainya.



Pesta Raja Buah Durian di UNIMAS



UNIMAS dengan kerjasama Bank Rakyat Sarawak buat julung kalinya telah menganjurkan Pesta Durian UNIMAS-Bank Rakyat 2012 baru-baru ini.

Objektif utama penganjuran Pesta Durian adalah untuk mengeratkan hubungan silaturahim dalam kalangan kakitangan UNIMAS dan Bank Rakyat selain menanam minat warga Malaysia mengutamakan buah-buahan tempatan.

Pesta ini adalah percuma kepada semua kakitangan UNIMAS dan Bank Rakyat dan telah diadakan di Dataran Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif (FSGK).



UNIMAS Hulur Bantuan Untuk Palestin

Pasukan Sukarelawan Polis (SUKSIS) UNIMAS telah menyerahkan kutipan untuk Palestin sebanyak RM6325.70 dalam suatu majlis ringkas di Canselor, UNIMAS, baru-baru ini.

Penyerahan tersebut telah disampaikan oleh Timbalan Naib Canselor Unimas (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) Prof Mohd Fadzil Abdul Rahman selaku Komandan SUKSIS kepada wakil Aqsa Syarif, Encik Muhammad Mus'ab Muzahar.



TBC UNIMAS Disambut Meriah

UNIMAS tidak ketinggalan meraikan perayaan Tahun Baru Cina pada setiap tahun dengan menganjurkan karnival 'Cultural Performance Night', baru-baru ini.

Tahun ini, perayaan tersebut diraikan di UNIMAS buat kali ketiga dan antara tujuan penganjuran adalah untuk mengenali kebudayaan Cina serta mengeratkan silaturahim antara semua bangsa dalam kalangan warga UNIMAS.

Hadir memeriahkan majlis tersebut ialah Timbalan Naib Canselor, Prof Mohd Fadzil Abdul Rahman dan Timbalan Dekan Fakulti Sains Kognitif dan Pembangunan Manusia, Dr Philip Nuli Anding.

Dalam ucapan ringkas, Prof Mohd Fadzil mengucapkan tahniah kepada pelajar Cina kerana berjaya menganjurkan karnival berkenaan dan berharap ia dapat diteruskan pada masa akan datang.

Beliau juga berharap majlis seumpama itu dapat mengumpulkan pelajar dan staf UNIMAS serta mewujudkan silaturahim yang erat dalam kalangan mereka.

Dalam majlis tersebut turut diserahkan sumbangan sebanyak RM10,000 dari Dato' Sri Peter Chin Fah Kui melalui wakil beliau untuk kegunaan penganjuran aktiviti seumpama itu pada masa akan datang di UNIMAS.



SUKAN IPT BORNEO di UNIMAS

Meskipun sekadar memenangi empat acara dalam sukan staf IPT Borneo 2013 yang diadakan pada awal Februari lepas, namun kontinjen tuan rumah, UNIMAS berpuas hati dengan pencapaian pasukan masing-masing.

Kontinjen UNIMAS memenangi empat acara dari lima acara dipertandingkan dalam sukan berkenaan iaitu badminton campuran, futsal lelaki, tenpin boling wanita dan pingpong wanita.

Seramai 1,400 atlit dari 19 buah Institut Pengajian Tinggi dari kawasan Borneo telah berkampung di UNIMAS untuk menyertai kejohanan sukan tersebut.

Majlis perasmian kejohanan sukan itu telah dilakukan oleh Menteri Pembangunan Sosial, Tan Sri William Mawan Ikom.

Manakala majlis penutupan pula dilakukan oleh Mantan Naib Canselor, Prof Datuk Dr Khairuddin Ab Hamid.

Universiti Malaysia Sabah Kolej Antarabangsa Labuan (UMSKAL) akan menjadi tuan rumah kejohanan bagi edisi 2015.







eCITRA2012

Himpun Seni Kreatif

Pensyarah UNIMAS

Seni kreatif barisan pensyarah Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif (FSGK) UNIMAS telah ditayangkan kepada orang ramai dalam pameran dwi tahunan iaitu eCITRA 2012 yang diadakan selama satu bulan bermula bulan Disember lepas.

Pameran eCITRA 2012 kali ini mempamerkan karya kreatif daripada 28 orang pensyarah dan penyelidik FSGK yang berbentuk seni catan, lukisan, seramik, arca, pemasangan, fotografi, tekstil, filem pendek, animasi, muzik, produk kreatif, seni elektronik dan lain-lain.

Pameran tersebut telah dirasmikan oleh Mantan Naib Canselor UNIMAS, Prof Datuk Dr Khairuddin Ab Hamid bertempat di Panggung Eksperimen FSGK.

Tema Reflection yang dipilih tahun ini disebabkan karya-karya yang dihasilkan bukan sekadar satu refleksi kepada kreativiti yang ditonjolkan oleh artis tetapi juga sebagai satu refleksi FSGK dalam menyambut ulangtahun UNIMAS yang ke-20.

Karya-karya yang dipamerkan adalah satu refleksi atau manifestasi para pensyarah yang terlibat dalam program di FSGK dan secara tidak langsung ia juga menunjukkan kematangan para pensyarah dan penyelidik dalam melaksana visi dan misi UNIMAS dan FSGK.

Antara karya yang dipamerkan seperti karya pemasangan seramik bertajuk Ma-nyaam, karya-karya catan bertajuk Semban Porters dan Semban Maidens, karya filem pendek yang bertajuk Washroom dan I-So-Lated, karya berbentuk audio muzik bertajuk baju kurung empat musim dan sebagainya.



UNIMAS Sertai Perarakan

لَا كُفْرَ إِلَّا سَفْسُافًا



UNIMAS telah menghantar kontinjen untuk perhimpunan dan perarakan sempena sambutan Maulidur Rasul Bahagian Samarahan yang telah diadakan di Dewan Suarah, Kota Samarahan.

Perhimpunan tersebut disertai oleh lebih 3,000 orang dari sekitar Bahagian Samarahan dan telah diketuai oleh Ahli Dewan Undangan Negeri N20 Sadong Jaya, YB Ir. Aidel Lariwoo dan Residen Bahagian Samarahan, Haji Ismail Haji Mohd Hanis.

Perarakan sejauh 2.5 kilometer itu bermula dari halaman parker Dewan Suarah Kota Samarahan dan jalan ke Kampung Muara Tuang Lorong 1, sebelum kembali semula ke tempat Dewan Suarah Kota Samarahan.

UNIMAS menerusi kumpulan INTRACT turut menyumbang beberapa panyanyian nasid dalam perhimpunan

Jerayawara Pertandingan ICT Standard Chartered



Seramai lebih 200 pelajar berhimpun di kampus UNIMAS untuk menyertai jerayawara bersempena dengan Pertandingan ICT Standard Chartered 2013.

Jerayawara tersebut turut dikunjungi oleh Setiausaha Bahagian Dasar ICT, Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi, Dr Abdul Rahim Ahmad dan Timbalan Naib Canselor UNIMAS, Prof Mohd Fadzil Abdul Rahman.

Dr Abdul Rahim dalam ucapannya memberitahu pertandingan ICT yang dianjurkan itu akan meransangkan pemikiran pelajar mengenai penyelesaian masalah berkaitan industri dan meningkatkan pengetahuan ICT sejajar dengan aspirasi kerajaan untuk mewujudkan ekonomi berlandaskan pengetahuan inovasi.

Jerayawara yang sama telah diadakan di Universiti Teknikal Malaysia di Melaka, Universiti Teknologi Malaysia di Johor dan Taylor Universiti, kampus Lakeside di Selangor.

Pertandingan ICT Standard Chartered 2013 telah dirasmikan pada awal Januari dan tamat bulan Mac lepas dengan hadiah keseluruhan berjumlah RM60,000.



UNIMAS Triathlon Cabar 200 Peserta

Unit Sukan dan Rekreasi, Pusat Khidmat Pelajar UNIMAS buat julung kalinya telah menganjurkan Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) Triathlon 2012 yang melibatkan cabaran berenang, berbasikal dan berlari.

Tiga cabaran itu telah dipikul oleh kira-kira 200 orang peserta menerusi enam kategori yang dipertandingkan iaitu lelaki dan wanita terbuka, relay terbuka serta pelajar sekolah menengah/institusi pengajian tinggi (IPT) wanita dan lelaki.

Dalam cabaran yang disediakan, peserta dikehendaki berenang merentasi tasik UNIMAS sejauh 750 meter, berbasikal (20 km) dan berlari sejauh 5 kilometer.

Antara yang mengikuti cabaran ini ialah Universiti Teknologi Mara (UiTM) Kota Samarahan, Swinburne University, Polis DiRaja Malaysia, Angkatan Tentera Malaysia, Kelab Basikal serta orang awam.

Acara pelepasan peserta disempurnakan oleh Ketua Unit Sukan dan Rekreasi UNIMAS, Encik Zambari Bajuri.

Peserta terbaik bagi kategori sekolah menengah/IPT lelaki telah disandang oleh Boney ak Jelama dan kategori wanita pula disandang oleh Nur Azrema

The Curriculum Review Workshop for the Bachelor of Nursing with Honours Programme

Author: Saloma Pawi, Rekaya Vincent Palang and Jane Buncuan
Nursing Department, Faculty of Medicine and Health Sciences

The Nursing Department has successfully conducted a workshop on the Curriculum Review for Bachelor of Nursing with Honours Programme from 8th till 10 August 2012 at the Merdeka Palace, Kuching.

The objectives were to review the UNIMAS Bachelor of Nursing with Honours Programme curriculum following the guidelines from the MoHE (KPT), Board of Nursing, Malaysia and the reports from external assessors, to improve the curriculum structure, teaching-learning approaches and assessment strategies for the Bachelor of Nursing with Honours Programme.

The participants of this workshop included lecturers from the Nursing Department which comprise one tutor and eight clinical teachers. The Nursing Department was very fortunate to have a representative from the Medical Education Unit (AP Dr Chang Kam Hock), three stakeholders (Matron Fu Choon Kee, Matron Ang Siew Kim and Matron Jimen Rinyui) and two external panels (Prof Nik Safiah Karimand, Prof Siti Rabikhatun Dato Zain). Four Alumni (Brian Jr Paul Hogan, Agatha Ng, Liew Man Ling and Jong Sui Lan) were also invited to give feedback on our curriculum. The first day of the workshop (8 November 2012) was 'packed' with discussion focusing on Basic Medical Sciences, Humanities and the Nursing Science Courses and its assessments.

The second day (9 November 2012) was filled with discussion on Revised Clinical Posting, Revised Year 1 Courses and its assessments, Revised Year 2 Courses and its assessments.

The last day (10 November 2012) was focused on Revised Year 3 Courses and its assessments, Revised Year 4 Courses and its assessments followed by the conclusion and closing remark by the Head of Department. It was a productive and successful session. This workshop would be able to enhance our Bachelor of Nursing with Honours Programme.



SOKONG GENERASI Y

UNIMAS SEDIAKAN FASILITI MODEN DAN KONDUSIF

Seramai 137 pelajar baharu berjaya menamatkan Minggu Aluan Pelajar (MAP) sekaligus melakukan majlis angkat sumpah baru-baru ini.

MAP yang diadakan selama empat hari terdiri daripada kumpulan ambilan Februari 2012/13 melibatkan 49 penuntut lelaki dan 88 penuntut perempuan.

Manakala lapan orang pelajar antarabangsa iaitu dari Jerman, China, Fiji dan Bangladesh.

Mantan Naib Canselor, Prof Datuk Dr Khairuddin Ab Hamid dalam ucapannya berkata, UNIMAS akan terus memberi sokongan kepada 'Generasi Y' yang merupakan kunci kepada pembangunan negara menjelang tahun 2020 dengan menyediakan fasiliti moden di kampus universiti ini.

Beliau memberitahu, UNIMAS percaya pembelajaran dalam suasana yang kondusif akan meransangkan pencapaian lebih baik dari pelajar.

UNIMAS bekerja keras dalam mereka-bentuk kampus ini supaya ia kelihatan kontemporari dan moden sesuai dengan keselesaan dan keperluan pelajar.

"Kita tidak boleh mengaplikasi cara 30 tahun kebelakang, kerana generasi Y mempunyai pendekatan dan cara yang amat berbeza sekali," katanya pada Majlis Angkat Sumpah pelajar baru-baru ini.

Prof Datuk Dr Khairuddin berkata UNIMAS pada masa ini berada di kedudukan 161 dari 170 universiti di Asia Timur dari segi pengaplikasian pendekatan yang terbaik.

Beliau memberitahu, pencapaian itu adalah sesuatu yang membanggakan buat UNIMAS meskipun usia penubuhan masih lagi dilihat 'muda' berbanding universiti di Asia lain.

Turut hadir pada majlis berkenaan ialah Timbalan Naib Canselor ((Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) Prof Mohd Fadzil Abdul Rahman, Ketua Pustakawan, Puan Margaret Simeng dan Yang Dipertua Perwakilan Pelajar UNIMAS 2012/13, Mohd Zulshafiq Abdul Wahab.

Majlis angkat sumpah telah diketuai oleh Mohd Azizul Hafiz Mohd Zakuwan.

UNIMAS MENTERAI MOU DENGAN REDEEMS

UNIMAS berkerjasama dengan Persatuan Pergerakan Kajian dan Pembangunan Sungai Sarawak (Redeems) untuk mengendalikan kajian komprehensif ke atas Sungai terutama Gunung Singai.

Majlis Memorandum Persefahaman bagi kerjasama tersebut telah dimenterai baru-baru ini.

Kajian akan menjurus kepada kepentingan bersama dan menyumbang kepada keberkesanan pertukaran kajian dan saintifik antara dua pihak.

Mantan Naib Canselor UNIMAS, Prof Datuk Dr Khairuddin Ab Hamid berkata, kerjasama tersebut menekankan kajian komprehensif ke atas biodiversiti di kawasan Singai yang boleh digunakan untuk rujukan para akademik, pelajar dan masyarakat secara keseluruhan.

"Sejak 20 tahun ini, UNIMAS telah melakukan pelbagai kajian dan pembangunan projek dengan pelbagai etnik di negeri ini. Kita bukan sahaja mahu melahirkan graduan berkualiti tetapi juga mengendalikan kajian tentang alam sekitar dan masyarakat tempatan untuk pengetahuan lanjutan," katanya lagi.

Beliau berkata kerjasama itu dilihat bertepatan memandangkan kajian secara terperinci tentang persekitaran dan masyarakat di Singai belum diadakan. Jelasnya lagi, pengetahuan tempatan yang diterokai

dan dikaji secara saintifik adalah penting supaya pengetahuan tempatan boleh diletakkan dalam perspektif lebih betul.

Memorandum Persefahaman tersebut telah dimenterai oleh wakil UNIMAS iaitu Prof Datuk Dr Khairuddin Ab Hamid dengan Menteri Muda Khidmat Masyarakat merangkap Presiden Redeems, Datuk Peter Nansian Ngusie sebagai wakil Redeems.

Turut hadir ialah Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi), Prof Dr Peter Songan, Naib Presiden Redeems, Datuk Wilfred Rata Nissom, Pengerusi Jawatankuasa Penganjur Projek, Prof Dr Andrew Alek Tuen dan mantan Temenggong Kuching, Datu Stephen Jusem.



Staf UNIMAS menang Anugerah Tinta Kenyalang

Cik Junaidah Ameng, staf sokongan dari Pusat Khidmat Maklumat Akademik (PKMA) UNIMAS, telah dinobatkan sebagai penerima Anugerah Tinta Kenyalang 2011/2012.

Dengan kejayaan tersebut, Junaidah, membawa pulang hadiah berupa sijil penghargaan, wang tunai sebanyak RM700 dan sebuah novel dari Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP).

Junaidah merupakan pengiat seni dalam bidang penulisan puisi dan cerpen di Sarawak dan telah menulis sebuah buku antologi puisi dan cerpen bertajuk 'Tautan Lembayu Senja'.

Majlis penyerahan anugerah berkenaan telah dilakukan oleh Ahli Dewan Undangan Negeri Pantai Damai, Dr Haji Abdul Rahman Junaidi.



13,000 PELAJAR UNIMAS TERIMA BB1M

Seramai lebih 13,000 pelajar UNIMAS menerima Baucer Buku 1 Malaysia (BB1M) yang kesemuanya berjumlah sebanyak RM3.25 juta daripada kerajaan.

Simbolik kepada penyerahan BB1M itu menyaksikan 10 pelajar UNIMAS menerima baucer berkenaan daripada Menteri Muda Pembangunan Belia, Haji Abdul Karim Rahman Hamzah. Mantan Naib Canselor, Prof Datuk Dr Khairuddin Ab Hamid dalam ucapannya menasihati pelajar yang menerima BB1M itu supaya menggunakannya dengan bijak iaitu untuk pembelian buku rujukan pengajian.

"Sebagai harapan kedua ibubapa dan keluarga, pelajar harus mencapai keputusan yang baik kerana ilmu yang diperolehi bakal menentukan masa depan," katanya.


Dalam pada itu, Haji Abdul Karim percaya produk yang dihasilkan oleh UNIMAS adalah produk yang berkualiti dan mampu menempatkan diri dalam pasaran pekerjaan.

Katanya, keupayaan mencari peluang pekerjaan adalah bergantung kepada tahap pendidikan seseorang.

Turut hadir pada majlis tersebut ialah Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) Prof Mohd Fadzil Abdul Rahman dan Timbalan Naib Canselor UNIMAS (Penyelidikan dan Inovasi), Prof Dr Peter Songan serta Yang Dipertua Perwakilan Pelajar UNIMAS 2012/13, Mohd Zulshafiq Abdul Wahab.




BUKU TERBITAN UNIMAS



Tajuk : **Politik Sarawak Perspektif Penganalisis**
 Penulis : Jeniri Amir
 Harga : RM75.00
 ISBN : 978-967-5527-51-7
 Tahun : 2013

Buku ini merupakan himpunan tulisan yang pernah disiarkan dalam kolum saya di beberapa buah akhbar dan portal berita yang menumpukan perhatian kepada politik Sarawak. Melalui tulisan berkenaan, saya telah berusaha sebaik mungkin untuk menulis secara objektif, berterus terang dan seimbang tentang pelbagai persoalan politik dan pilihan raya Sarawak. Saya cuba mengetengahkan pandangan, komen dan kritikan dengan berani dan bertanggungjawab. Tulisan dalam buku ini adalah bersandarkan fakta dan penyelidikan. Berbeza daripada esei atau artikel ilmiah, saya menggunakan gaya yang santai dengan memanfaatkan unsur retorik dalam buku ini. Saya percaya, tulisan ini ada manfaatnya khususnya bagi mereka yang ingin mengetahui politik Sarawak.



Tajuk : **DANCES WITH GARUDA : MALAYSIA - INDONESIA BILATERAL RELATION**
 Penulis : Ahmad Nizar Yaakub
 Harga : RM40.50
 ISBN : 978-967-5527-46-3
 Tahun : 2013

What's wrong with Malaysia and Indonesia relations? In the Post-Cold War era, the general perception is that there is more conflict and rivalry than co-operation between Malaysia and Indonesia. Many issues have contributed to the tension particularly clash of personality between leaders, national political transformation, illegal migrant workers, Indonesian maids, territorial disputes, transnational terrorism, and disputes over cultural rights. While examining those specific developments, this book organizes its analysis of Malaysian and Indonesian foreign policies, with special reference to their evolving bilateral relations, from a constructivist perspective. The constructivist approach is very relevant to the study of Malaysia-Indonesia relations because of its emphasis on ideational factors like culture, ethnicity, national identity, leadership, nationalism and religion which are often ignored or under studied by leading theories in International Relations. This book will interest students and researchers of International Relations, Political Science, Asian Studies, Sociology and Cultural Studies. It will also enlighten individuals and groups who are interested in the affairs of Malaysia and Indonesia relations.

Bahagian Penerbitan UNIMAS
Tingkat 5, Bangunan CAUH
Universiti Malaysia Sarawak
94300, Kota Samarahan
Tel: 082-581159 / 581157 Faks: 082-581919

